

22 OCT 2003

MODENAS-DINAMIK

MOTOSIKAL DINAMIK BERADA DI PASARAN 27 OKTOBER INI

GURUN, 22 Okt (Bernama) -- Motosikal "kapcai" enjin dua lejang Modenas Dinamik akan berada di pasaran mulai 27 Oktober ini sempena hari pertama umat Islam di negara ini dijangka menyambut puasa.

Ketua Pegawai Eksekutif Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos) Nik Danial Nik Mahmood berkata sempena menyambut Ramadan, harga pasaran di atas jalan akan dikurangkan menjadi RM5,998 berbanding harga yang ditawarkan RM6,200 semasa pelancaran motosikal itu pada 23 Ogos lepas.

"Perbezaan harga RM200 itu boleh dikatakan sebagai "duit raya" kepada pengguna yang ingin memiliki motosikal berkenaan," kata beliau pada sidang media di pejabatnya di sini, hari ini.

Dinamik dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di ibu negara bersama-sama dua lagi motosikal skuter keluaran Modenas iaitu Ceria dan Elit.

Nik Danial berkata Dinamik dijangka mendapat pasaran yang memberangsangkan kerana motosikal jenis ini boleh menarik minat golongan remaja dan para belia kerana bentuknya yang bergaya dan berkeupayaan tinggi.

Dinamik yang bakal berada di pasaran nanti boleh diperolehi dalam dua warna iaitu biru dan merah.

Katanya, Modenas akan mengeluarkan di antara 800 hingga 1,000 unit Dinamik sebulan mulai November ini dan menjangkakan perolehan tahunan hasil jualannya di antara RM45 juta hingga RM50 juta.

Nik Danial berkata kemungkinan besar Dinamik akan dapat menguasai sekurang-kurangnya 40 peratus pasaran keseluruhan motosikal jenis "kapcai" enjin dua lejang pada tahun depan.

Sebelum menjelang Hari Raya Aidil Fitri nanti, dijangka sebanyak 1,700 unit motosikal itu akan berada di pasaran di seluruh negara, katanya lagi.

-- BERNAMA

MNH AA